



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (08 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **lapan (8) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada kes baharu ini, lima (5) kes di Daerah Kuching, dua (2) kes di Daerah Miri dan satu (1) kes di Daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 732 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu Yang di Kesan.

Hari ini, terdapat empat (4) kes jangkitan tempatan, dua (2) kes import A dan dua (2) kes Import B telah dikesan di Sarawak. Perincian kes tersebut adalah seperti berikut:

i) Kes Ke-725 (Kes Jangkitan Tempatan)

Kes ini merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang telah disahkan pada 7 Oktober 2020 iaitu kes Ke-724. Kes telah disaring melalui aktiviti saringan aktif pada 7 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif pada hari yang sama.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan iaitu telah mendapat jangkitan dari kes Ke-724 pada masa pendedahan di antara 27 September 2020 sehingga 7 Oktober 2020. Kontak lain kepada kes Ke-724 adalah negatif dan akan menjalani ujian saringan kedua pada hari ke ke-10.

ii) **Kes Ke-726 dan Ke-727 (Kes Import A)**

Kes Ke-726 dan Kes Ke-727 merupakan dua orang lelaki warganegara India yang masuk ke Sarawak untuk bekerja di sebuah syarikat swasta di Miri. Kedua-dua kes tiba di Malaysia pada 17 September 2020 melalui Kuala Lumpur dan telah menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di Kuala Lumpur. Semasa menjalani kuarantin wajib, kedua-dua kes telah menjalani ujian saringan COVID-19 sebanyak dua kali. Saringan pertama menggunakan rT-PCR dan saringan kedua menggunakan saringan RTK Antigen. Kedua-dua saringan ujian mereka adalah negatif untuk COVID-19.

Kes-kes ini telah meneruskan perjalanan ke Miri pada 4 Oktober 2020 dan dimasukkan semula ke pusat kuarantin dan menjalani saringan COVID-19. Kedua-dua kes telah menjalani ujian saringan di sebuah hospital swasta di Miri pada 7 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kedua-dua kes didapati positif pada hari yang sama.

Kedua-dua kes ini dikategorikan sebagai kes Import A iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal mereka di India. Pengesanan kontak-kontak kepada kes ini masih giat dijalankan.

iii) Kes Ke-728 (Kes Import-B)

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah melakukan perjalanan ke Kelana Jaya, Selangor pada 22 hingga 27 September 2020 untuk melawat ahli keluarga.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 sendiri di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 6 Oktober 2020 kerana risau keadaan kesihatan sendiri dimana kes mengalami demam mulai 27 September 2020. Ujian saringan yang telah dijalankan pada 6 Oktober telah didapati positif COVID-19 pada hari ini 8 Oktober 2020.

Kes telah dirujuk dan akan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di Selangor. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang dijalankan.

iv) Kes Ke-729, 730 dan 731 (Kes Jangkitan Tempatan)

Ketiga-tiga kes ini merupakan kontak rapat kepada kes Ke-719 yang telah disahkan positif COVID-19 pada 06 Oktober 2020. Ketiga-tiga kes baharu ini merupakan kontak serumah kepada kes Ke-719. Kes-kes ini telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif.

Kes-kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Tiga belas (13) orang lagi kontak rapat kepada kes Ke-719 didapati negatif untuk ujian saringan pertama. Kontak-kontak lain akan dilakukan ujian saringan kedua pada hari ke-10.

v) Kes Ke-732 (Kes Import B)

Kes Ke-732 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah pada 19 sehingga 27 September 2020 atas urusan perniagaan. Sebelum pulang ke Sarawak, kes telah menjalani ujian saringan rT-PCR untuk COVID-19 pada 25 September 2020 di sebuah makmal swasta di sana. Keputusan ujian saringan kes adalah negatif untuk COVID-19 pada hari yang sama dan kes telah dibenarkan untuk melakukan perjalanan masuk ke Sarawak.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), kes telah diberikan arahan kuarantin di rumah dan diarahkan untuk membuat saringan COVID-19 pada hari ke-10. Ujian saringan pada hari ke-10 telah dilakukan pada 6 Oktober 2020 di sebuah klinik kesihatan kerajaan dan keputusan pada 7 Oktober 2020 mendapati ujian rT-PCR kes adalah positif COVID-19.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kaeasan yang berisiko tinggi iaitu semasa kes berada di Sabah. Siasatan dan pengesanan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dilakukan.

B. Kluster Baharu yang diisytiharkan.

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengisytiharkan satu kluster baharu iaitu **Kluster Bah Arnab** di Daerah Kuching. Indeks kes kepada kluster ini merupakan kes Kes-719 yang telah disahkan pada 6 Oktober 2020 yang mempunyai sejarah perjalanan pergi dan balik dari Sabah. Seramai 16 orang kontak rapat kepada kes ini telah disaring pada 6 September 2020 dan 3 orang daripada kontak-kontak tersebut telah didapati positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020 iaitu kes Ke-729, 730 dan 731.

Setakat ini Kluster Bah Arnab adalah masih terkawal dan hanya melibatkan ahli keluarga terdekat sahaja. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut dan pengesanan kontak lain kepada kluster ini sedang giat dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk mengelak berlakunya perebakan yang lebih serius.

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, terdapat satu (1) kluster yang aktif di Sarawak iaitu Kluster Bah Arnab yang baru diisytiharkan pada hari ini, Kluster ini telah melibatkan seramai empat (4) kes positif COVID-19.

D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **684** orang atau **93.44%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital telah meningkat seramai lapan (8) orang menjadikan jumlah keseluruhan ialah seramai **29 orang** iaitu 16 di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) di Hospital Miri, tiga (3) di Hospital Sibu dan dua (2) di Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **TIADA (0)** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.60%**.

Hari ini **16 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Kuching telah kembali berstatus kuning selepas diisytiharkan berstatus hijau semalam setelah tiga (3) kes jangkitan tempatan baharu dikesan. Daerah Bintulu juga telah bertukar status daripada Hijau kepada status kuning setelah satu (1) kes jangkitan tempatan baharu dikesan hari ini. Daerah Sibu dan Lawas pula masih kekal berstatus kuning. Daerah Lawas kekal dengan tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Sibu juga kekal dengan dua (2) kes jangkitan tempatan telah dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status hijau.

F. Ralat Maklumat Kes Ke-722

Ingin dimaklumkan bahawa setelah siasatan lanjut dilakukan, didapati Kes Ke-722 yang dilaporkan semalam tidak diberikan arahan kuarantin di rumah tetapi sebaliknya hanya diberikan nasihat untuk melakukan kuarantin sendiri sehingga keputusan ujian saringan COVID-19 beliau didapati negatif. Kes juga telah dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan kebersihan diri, melakukan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan sentiasa mematuhi SOP berkaitan jangkitan COVID-19.

Kes ini telah disaring secara rawak semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 3 Oktober 2020. Semasa ketibaan kes ini di Sarawak, pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak belum melaksanakan arahan saringan dan kuarantin wajib bagi pelawat yang datang atau balik dari Semenanjung Malaysia. Arahan ini hanya bermula pada 4 Oktober 2020.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menekan dan memberi nasihat kepada semua individu yang telah diberikan arahan kuarantin di rumah supaya sentiasa mematuhi arahan kuarantin dan penjarakan sosial dengan pematuhan arahan seperti berikut:

- Gunakan bilik kuarantin (jika ada);
- Jangan keluar rumah;
- Makan berasingan dari ahli keluarga;
- Jangan menonton television di ruang tamu keluarga
- Gunakan tandas yang berasingan
- Pakai Pelitup muka

- Tidur di bilik berasingan
- Jangan tidur bersama
- Dan sentiasa mengamalkan bebersihan diri serta patuh kepada arahan dan SOP sedia ada.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat berikutan penambahan kes di Sarawak dan keputusan berikut telah dibuat:

A. Tatacara Kemasukan Ke Negeri Sarawak Dari Semenanjung Malaysia

Semua warganegara Malaysia yang ingin masuk ke Sarawak dari Semenanjung Malaysia akan dikuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin dan ujian COVID-19 akan diambil pada hari ke-2 dan ke-10. Kos kuarantin dan ujian COVID-19 akan ditanggung oleh diri sendiri. Hanya rakyat Sarawak sahaja akan ditanggung oleh Kerajaan Sarawak. **Arahan ini berkuatkuasa mulai 10 Oktober 2020.**

B. Pemantauan Ketat Stay *Home Order* (SHO)

Berkuatkuasa serta merta, pihak PDRM akan melakukan pemantauan ketat kepada sesiapa yang telah diberikan *Home Surveillance Order* (HSO). Sesiapa yang didapati melanggar arahan tersebut, boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

Semalam , pihak PDRM mendapati seorang lelaki telah melanggar Stay Home Order dan telah dikenakan kompaun. Bagi sesiapa yang mendapati rumah mereka tidak sesuai untuk *Stay Home Order*, mereka boleh memohon untuk dikuarantin di pusat kuarantin.

3. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN / TANGKAPAN

Pihak PDRM telah menangkap dua (2) orang pekerja warga Indonesia di sebuah cafeteria di Jalan Demak, Kuching kerana tidak memakai pelitup muka Ketika berurusan dengan pelanggan dan mengeluarkan **10 notis** kompaun telah dikeluarkan di Miri (6), Kuching (3) dan Kota Samarahan (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **116 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (43), DBKU (23), SMC (16), MD Marudi (12), MD Serian (10), MBKS (6) dan MDDM (6).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,506 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (168), Restoran (254), Kilang (22), Bank (91), Pejabat Kerajaan (25), Penjaja (135), Pasar Tani/Awam (75), Tempat Ibadah (67), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (11) dan lain-lain (619).

Seramai **533 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (255), ATM (36), RELA (115), APM (82) dan PBT (45).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **986** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

08 OKTOBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	724	Kes sedang dirawat di hospital	29	3.96%
Kes Baharu	8	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	120,994	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	732	Jumlah kes kematian	19	2.60%
IR per 100,000 penduduk	23.73	Kes telah sembuh dan discaj	684	93.44%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	4	9,052	16	9,788
Menunggu keputusan	4	4		
			Patient Under Investigation (PUI)	

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	16	3	2	8	0	29
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	576	35	39	32	684
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	6	6,484	5	444	0	418	0	12	14	14	3
2	Bintulu	1	295	1	41	0	39	0	0	2	2	1
3	Sibu	0	114	0	15	0	11	0	0	4	4	2
4	Lawas	2	20	0	4	0	1	0	0	3	3	3
Jumlah		9	6913	6	504	0	469	0	12	23	23	9

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	3	313	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	247	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Bau	0	176	0	6	0	6	0	0	0	0	0
4	Samarahan	0	566	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Simunjan	1	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
6	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
7	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
9	Miri	2	839	2	29	0	23	0	1	5	5	0
10	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	53	0	4	0	2	0	1	1	1	0
12	Betong	0	188	0	16	0	16	0	0	0	0	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	1	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		7	2,875	2	228	0	215	0	7	6	6	0
Jumlah Besar		16	9,788	8	732	0	684	0	19	29	29	9

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **89** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **15 buah hotel** adalah seramai **1,495 orang**. Manakala seramai **25,264 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 08.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (825)	Hock Lee	28
2		Kuching Park	85
3		Hilton	238
4		Harbour View	240
5		Riverside (Astana Wing)	234
6	Miri (426)	Imperial Palace	127
7		Eastwood Valley	64
8		Meritz	131
9		Dynasty	104
10	Bintulu (19)	Motel Kapok	14
11		Faber Inn	5
9	Limbang (112)	Purnama	19
10		Shangshan (Lawas)	67
11		Mandarin (Lawas)	26
12	Sibu (113)	Premier	113
Jumlah PUS			1,495

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **8 lokasi di Miri (2), Bintulu (2), Kuching (1), Sibul (1), Samarahan (1) dan Betong (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,710 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 08.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	536
2	Miri	2	310
3	Sibu	1	175
4	Samarahan	1	121
5	Bintulu	2	115
6	Sarikei	TIADA	109
7	Limbang	TIADA	80
8	Serian	TIADA	64
9	Betong	1	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
Jumlah Keseluruhan			1,710

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **48 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 08.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MDSA	6
4	MP Sibul	9
5	MCC	14
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	8
Jumlah		48